

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**

**ABDULLAH**

**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**

**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**

**(ACO)**

**MERANGKAP NAIB PRESIDEN  
INTERNATIONAL COOPERATIVE  
ALLIANCE ASIA AND PACIFIC (ICA-  
AP)**

**MAJLIS MENANDATANGANI  
PERJANJIAN KERJASAMA STRATEGIK**

**MYANGKASA AMANAH BERHAD  
(MAAB)  
BERSAMA-SAMA  
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD  
(BIMB)**

**28 OGOS 2023 (ISNIN)**  
**10.00 PAGI**

**Dewan Dato' Mohd Ali Baharom (A),**  
**Wisma Ungku A. Aziz**

---

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]**

# **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian datuk-datuk, datin-datin,

tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir pada hari ini. ANGKASA selaku penaung sepenuhnya MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB), mengucapkan tahniah kepada MAAB atas penganjuran **Majlis Menandatangani Perjanjian**

**Kerjasama Strategik MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) bersama-sama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada hari ini.**

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan

ucapan penghargaan kepada barisan Anggota Lembaga dan pengurusan kanan ANGKASA, barisan pengurusan tertinggi Bank Islam yang diketuai oleh En. Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan tetamu-tetamu kehormat yang lain yang sudi

meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada hari ini.

3. Saya amat berbangga melihat kejayaan demi kejayaan yang telah dilakar oleh MyANGKASA Amanah Berhad bermula dari awal penubuhan Syarikat pada tahun

2014 sehingga ke hari ini di mana MAAB pada tahun depan akan menyambut ulang tahunnya yang ke-10. Saya juga sentiasa mengikuti segala perkembangan dan pencapaian MAAB menjalinkan usahasama bersama pelbagai institusi kewangan, badan korporat

serta koperasi.

4. Alhamdulillah bagi tahun 2022, MAAB telah meraih pendapatan kasar sehingga RM13 juta. Untuk makluman semua, suka ingin saya kongsikan di sini pencapaian MAAB yang agak membanggakan dan meningkat dari

tahun ke tahun dan setakat Disember 2022, MAAB telah mendaftarkan hampir 250,000 kes wasiat dengan nilaiang anggaran aset sebanyak 125 billion, jumlah pusaka telah diurus pula adalah sebanyak 728 fail, manakala bagi akaun amanah yang mana MAAB bertindak sebagai

pemegang amanah adalah bernilai sebanyak 250 juta. Ini adalah termasuk akaun amanah Individu, korporat dan pusaka anak-anak di bawah umur.

## **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan**

## **dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

5. Untuk makluman hadirin hadirat sekalian, tujuan utama majlis ini dianjurkan adalah bagi meraikan kerjasama strategik yang termeterai antara MAAB dan Bank Islam. Selain

dari itu, kita juga ingin menguar- uarkan kepada masyarakat di luar sana Bank Islam sebagai salah satu wakil Rakan Niaga Korporat dalam segmen perbankan terbaru yang akan memasarkan produk wasiat dan rujukan pusaka MAAB untuk pelanggan mereka khasnya. Untuk

pengetahuan semua juga, kita telah bekerjasama dengan 8 bank yang lain termasuklah Bank Rakyat, BSN, AGRO Bank, Bank Muamalat, Affin Bank, Arrajhi Bank, CBP dan MBSB Bank.

6. Sesungguhnya saya berasa sangat berbangga dan terharu dengan kesudian pihak Bank Islam yang telah berminat untuk menandatangani kerjasama strategik sebagai Rakan Niaga Korporat MAAB. Ini menunjukkan bahawa Bank Islam turut menyokong usaha yang telah

dibuat oleh MAAB dan ANGKASA dalam usaha menjadi penyedia perkhidmatan perancangan harta pusaka.

7. Saya berharap, dengan kelebihan Bank Islam yang mempunyai pangkalan data pelanggan yang

ramai terutama bangsa Melayu dan Muslim, Bank Islam dapat memanfaatkan kelebihan ini dengan menjual produk Wasiat MAAB kepada semua pelanggan sedia ada dan baharu dengan menggunakan semua saluran yang ada seperti beberapa bank yang lain

lakukan termasuk dengan *bundle* bersama pinjaman peribadi dan lain-lain lagi.

8. Sabda Nabi, “Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu: sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, atau do'a anak yang

soleh" (HR. Muslim). Jadi sebenarnya, dengan merancang harta pusaka melalui wasiat contohnya, bukan sahaja bagi menjalankan fungsi pelantikan Wasi malah, melalui Produk Wasiat yang akan Bank Islam pasarkan nanti, pewasiat-pewasiat tersebut terutama Muslim boleh juga

membuat sedekah jariyah melalui pengagihan 1/3 dari harta mereka kepada bukan waris faraid selepas berlaku kematian.

9. Saya juga mendoakan semoga kita yang hadir hari ini dapat melengkapkan dan menyediakan

juga perancangan kewangan yang rapi untuk diri kita sendiri.

## **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

10. Harapan saya adalah untuk memastikan MAAB terus maju ke hadapan sebagai penyedia utama dan tersohor bagi perancangan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia seterusnya dapat menyelesaikan masalah harta pusaka terbeku akibat gagal

menyelesaikan urusan pentadbiran harta pusaka.

11. Justeru dalam merealisasikan perkara ini, Rakan Niaga Korporat kita yang terbaru iaitu Bank Islam, dapat berganding bahu dan berusaha sehabis mungkin untuk menyedarkan

masyarakat di luar sana terutama umat Islam untuk merancang harta pusaka melalui MAAB dan Bank Islam seterusnya sekaligus meraih pendapatan tambahan.

12. Usaha ini secara tidak langsung memungkinkan kita untuk mengeluarkan Zakat yang lebih

besar nilainya daripada apa yang dikeluarkan pada hari ini selain dapat memberi sumbangan kepada masyarakat di luar sana dalam bentuk CSR dan lain-lain demi mendapat keberkatan yang berterusan.

13. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan telah hadir ke majlis pada hari ini dan izinkan saya memberi ruang agar majlis pada hari ini diteruskan dengan agenda selanjutnya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualikum  
Wabarakatuh.

Warahmatullahi